

08/11/2001

Isu negara Islam punca dua pihak bertengkar

PERSIDANGAN Dewan Rakyat terpaksa ditangguh 10 minit pada jam 12.27 tengah hari semalam, apabila Speaker Tun Dr Mohamed Zahir Ismail gagal mengawal perbalahan antara penyokong kerajaan dan pembangkang.

Pertengkar kedua-dua pihak itu timbul berikutan kenyataan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin Maidin, mengenai isu negara Islam serta mendakwa DAP cuba menyesatkan orang Cina berhubung perkara itu.

"Saya melihat DAP cuba menakutkan orang ramai mengenai negara Islam. RTM terpaksa mendedahkan satu lagi usaha DAP menghapuskan dosanya terhadap orang Cina dengan cara menyesatkan orang Cina supaya menyintai golongan teokratik di negara ini," katanya ketika sesi penggulungan Belanjawan 2002 kementeriannya.

Berikutan itu, Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) bangun meminta Zainudin menyiarkan ucapan pemimpin MCA mengenai negara Islam dan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada pemimpin MCA mengenai perkara itu melalui RTM.

Selain Kerk, beberapa ahli Parlimen pembangkang turut bangun membantah Zainuddin. Antaranya ialah Mohd Apandi Mohamad (Pas-Jeli); Chong Eng (DAP-Bukit Mertajam); Chow Kon Yeow (DAP-Tanjung) dan Muhammad Mustafa (Keadilan-Peringat).

Zainudin turut memberi contoh tindakan Pas memburukkan Dr Mahathir serta menggunakan isu kediaman Perdana Menteri bagi terus memburukkan kerajaan melalui buletinnya.

Keadaan menjadi kecoh kerana ahli Parlimen pembangkang tidak berpuas hati dengan kenyataan itu dan meminta Zainudin mengemukakan keratan akhbar sebagai bukti, tetapi Zainuddin tidak dapat berbuat demikian pada sidang itu.

Berikutan itu, keadaan semakin tidak terkawal apabila lebih 10 ahli Parlimen pembangkang dan kerajaan bangun meminta lawan masing-masing berhenti bercakap dan duduk.

Mohamed Zahir kemudian memutuskan menangguh persidangan selama 10 minit sehingga semua pihak dapat mengawal emosi masing-masing.

Apabila mesyuarat disambung semula, beliau menasihatkan semua ahli Parlimen supaya menghormati Dewan.

"Saya harap (kita) dapat jalankan mesyuarat ini dengan tenang. Kita kena jaga maruah bersama dan jalankan tugas bersama...menjaga maruah dewan kita bersama," katanya.

(END)